



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

BERKAITAN ARTIKEL

"RESERVE MAY TURN INTO PLANTATION" ENVIRONMENTAL CONCERNS RAISED OVER PLANS FOR TERENGGANU FOREST YANG DISIARKAN AKHBAR THE STAR PADA 3 OGOS 2019

8 OGOS 2019

1. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri Terengganu menyahut pelaksanaan Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) dengan melaksanakan program perladangan hutan bagi menampung bekalan kayu kayan untuk keperluan industri berasas kayu negara.

2. Sungguhpun begitu, sejajar dengan Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK 2016-2025), pelaksanaan program sewajarnya dilakukan di kawasan-kawasan tanah terbiar atau terosot dan tidak melibatkan kawasan yang masih berhutan terutamanya dalam Hutan Simpanan Kekal. Dalam hubungan ini, Kementerian mengesyorkan agar Kerajaan Negeri Terengganu mengkaji semula cadangan pelaksanaan program perladangan hutan komersial di Hutan Simpan Jerangau seperti mana yang dilaporkan oleh akhbar The Star pada 3 Ogos 2019, lebih-lebih lagi jika sekiranya kelulusan program berkenaan yang melibatkan kawasan seluas 5,000 hektar telah melebihi keluasan Zon Pembangunan Ladang Hutan bagi negeri Terengganu yang

diluluskan oleh Majlis Tanah Negara Ke-68 Tahun 2012 berjumlah 36,899 hektar.

3. Langkah Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu menubuhkan kawasan *High Conservation Value Forest* (HCVF) bagi memelihara satu-satunya spesies yang ditemui di Semenanjung Malaysia di kawasan yang sama iaitu Keruing Sarawak (*Dipterocarpus Sarawakensis*) amatlah dialu-alukan dan dipuji kerana ianya bukan sahaja selaras dengan pelaksanaan DKBK 2016-2025, tetapi juga memenuhi keperluan Pensijilan Pengurusan Hutan. Oleh yang demikian, pihak Kementerian berharap agar kawasan ini bukan sahaja terus dipelihara dan dikekalkan, malahan kawasan disekelilingnya turut dipelihara bagi mengelakkan kawasan HCVF berkenaan menjadi terpisah dengan habitat dirian asal yang lain apabila program perladangan hutan dilaksanakan kelak.
4. Sebagai kesimpulannya, KATS menyarankan agar pihak Kerajaan Negeri Terengganu mengkaji semula kelulusan Program Perladangan Hutan Komersial di Hutan Simpan Jerangau.

**YB. DR. XAVIER JAYAKUMAR
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli**